

KESEDIAAN PELAKSANAAN PENGAJARAN ABAD KE 21 DALAM KALANGAN GURU PELATIH SEJARAH IPG ZON SELATAN

KESEDIAAN PELAKSANAAN PENGAJARAN ABAD KE 21 DALAM KALANGAN GURU PELATIH SEJARAH IPG ZON SELATAN

Muhammad Ayisy Baharudin¹
Mohd Ashraf Ibrahim² (Phd)

¹Jabatan Sains Sosial, Insitut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM), Malaysia,
(E-mail: tengkuayisy@gmail.com)

²Jabatan Sains Sosial, Insitut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM), Malaysia,
(Email: mohdashrafibrahim28@gmail.com)

Accepted date: 18-11-2019

Published date: 15-1-2020

To cite this document: Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim (2019). Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah IPG Zon Selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 2(5), 32 - 42.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah IPG zon selatan. Kesediaan pelaksanaan ini dilihat dari tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan semester pengajian terhadap tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah mengikut semester pengajian. Sampel kajian terdiri daripada 58 orang guru pelatih Sejarah di beberapa buah IPG zon selatan. Kajian merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Penganalisan data bagi tujuan kajian ini menggunakan statistik deskriptif melibatkan skor min dan sisihan piawai. Manakala statistik inferensi seperti Ujian-t digunakan untuk menjawab kesemua persoalan kajian. Hasil kajian deskriptif menunjukkan bahawa kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah semester 6 dan 8 berada pada tahap tinggi bagi ketiga-tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesediaan pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah mengikut semester pengajian. Kesimpulannya kajian ini memberi maklumat kepada pihak berkepentingan untuk melihat kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan PAK21 yang menjadi agenda Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).*

Kata Kunci: *Kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21, kesediaan guru pelatih Sejarah.*

Abstract: *This study aims to identify the level of readiness of the 21st century teaching instruction among IPG history trainee teachers in the south zone. The willingness of this exercise is seen from three aspects namely knowledge, skills and attitude. In addition, this study was conducted to identify the differences in the semester of the study on the level of readiness of the 21st century teaching amongst history trainee teachers according to the semester of study. The sample of the study consisted of 58 history trainee teachers in several IPG's of the south zone. This study was conducted by survey using questionnaire as the instrument of study. Data analysis for the purpose of this study using descriptive statistics involves mean score and standard deviation while inference statistics such as T-test are used to answer all the research questions. The result of the descriptive study shows that the readiness of the 21st century teaching amongst the history trainee teachers of semester 6 and 8 is high in the three aspects namely knowledge, skills and attitudes. The study also showed that there was no significant difference in the readiness level of the implementation of 21st century teaching among the history trainees' teachers according to the semester of study. In conclusion, this study provides information to stakeholders to see the readiness of trainee teachers in implementing the 21st century teaching which is the agenda of the Malaysian Education Development Plan (PPPM).*

Keywords: *The willingness of the 21st century teaching, the readiness of the teacher trainee with history major.*

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke-21 secara rintis pada tahun 2014 dan meluaskan pelaksanaan keseluruhan negara mulai tahun 2015 menerusi KSSR dan KSSM (Buletin Anjakan, 2015a). Pendidikan pada abad ke 21 merupakan satu transformasi yang dilakukan dalam memperbaharui taraf pendidikan yang sedia ada, iaitu sistem pendidikan yang bersifat fleksibel, kreatif, mencabar dan lebih kompleks dan disokong oleh Alvin Toffler dalam Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin, & Amran Bakar (2016) yang menyatakan bahawa, "*the illiterate of the 21st century are not those that cannot read or write but those that cannot learn, unlearn and relearn*".

Guru perlu mencapai standard ke tahap global supaya ilmu yang dicurahkan mengikut acuan dihasratkan dalam PPPM (Mary Yap, 2015). Cabaran utama dalam pendidikan abad ke 21 adalah bagaimana guru-guru menggunakan pelbagai sumber sokongan teknologi serta maklumat bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkualiti serta relevan dengan perkembangan semasa (Buletin Anjakan, 2015a). Dalam mengharungi cabaran ini, guru perlu mengemaskini pengetahuan (kandungan kurikulum) dan kompetensi (pedagogi PdP) supaya kekal relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bahawa pemeraksanaan IPG harus dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan graduan bagi memastikan kualiti guru yang terlatih dihantar ke sekolah benar-benar menepati *standard* yang dapat mengisi keperluan pembelajaran abad ke 21.

Menurut Faridah Nazir et al. (2016) guru-guru abad ke 21 perlu memiliki kekuatan minda, ketangkasan daya cipta, kemantapan idealisme dan kekuatan diri. Pendapat ini turut disokong oleh Mary Yap (2015) yang menekankan kemahiran pedagogi bersifat holistik, meneroka penggunaan model pembelajaran pelbagai mod yang memanfaatkan teknologi supaya dapat mencungkil kemahiran berfikir aras tinggi serta mengukuhkan pembelajaran murid kerana keberhasilan diri mereka sendiri menentukan kejayaan atau kegagalan membentuk modal insan melalui PPPM.

Kajian Literatur

Penggunaan kaedah konvensional iaitu kaedah chalk and talk dalam pengajaran menjadikan suasana pembelajaran bosan dan jemu kerana hanya wujud hubungan satu hala sahaja. Hasil dari kesedaran ini, perlu diwujudkan revolusi pengajaran dan pembelajaran yang mampu menarik minat pelajar untuk melibatkan diri secara menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran abad ke 21 merupakan satu daripada aspek yang penting bagi menangani perubahan ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Kajian Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018) menunjukkan konsep keseluruhan PdP PAK21 masih kurang difahami dengan jelas oleh guru pelatih dari sudut perancangan dan pelaksanaannya. Hal ini juga dipersetujui oleh Rajendran Nagappan (2010) yang menyatakan kesediaan guru semasa proses PdP bergantung kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dimiliki untuk mengajar. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa satu per tiga daripada guru tidak pasti dan tidak yakin untuk menggunakan kemahiran berfikir dalam PdP. Kajian Noor Azlan Ahmad Zanzali & Hasriani Asri Atjeng (2001) menunjukkan bahawa keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar dipengaruhi oleh tahap penguasaan terhadap pengetahuan, pedagogi dan psikologi pembelajaran.

Hal ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajian Nooraini Abdul Rahim & Abdul Halim Abdullah (2017) yang menunjukkan kesediaan guru adalah sederhana bagi aspek kognitif, tingkah laku dan afektif dalam pelaksanaan PdP abad 21. Kajian Mohd Fahmi Mohd Yusof (2016) turut menunjukkan bahawa kesediaan guru dalam mengamalkan pengajaran abad 21 dari aspek literasi, kemahiran dan sikap adalah sederhana. Kajian Badrul Hisham Alang Osman & Mohd Nasruddin Basar (2016) membuktikan pensyarah memilih kemahiran komunikasi sebagai amalan utama dalam PdP abad 21 dan kurang dari aspek kemahiran pemikiran kritikal seperti KBAT. Maka, hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika amalan PdP abad 21 dalam kalangan pensyarah kurang dititikberatkan, adakah ini akan mewujudkan kesediaan yang baik bagi guru pelatih terhadap PdP abad 21.

Definisi Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Abad Ke 21

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan. Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam (2011) menyatakan kesediaan merupakan kata adjektif atau kata sifat yang menggambarkan telah ada, siap, lengkap, dapat, berkebolehan, kesanggupan, kerelaan, kesudian, kemampuan, kerediaan, kemahuan dan keinginan. Manakala menurut Mok (2008), kesediaan adalah keupayaan persiapan individu di dalam dirinya untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ia boleh terbahagi kepada kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor. Pengajaran diistilahkan di dalam *Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2015) sebagai segala yang berkaitan dengan mengajar atau mengajarkan. Abad diertikan sebagai masa seratus tahun (*Kamus Pelajar Edisi Kedua*, 2015). Faridah Nazir et al. (2016) menyatakan bahawa abad 21 berlangsung dari tahun 2000 sehingga tahun 2099 dan dari segi amalan, permulaan abad 21 bermula sejak 1 Januari 2000. Proses pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 menggunakan sumber berkaitan dengan teknologi maklumat sebagai sumber utama pengetahuan dan melibatkan penggunaan segala kemudahan yang disediakan seperti komputer, multimedia, cekera padat, dan Internet untuk membantu murid dalam proses pembelajaran (Faridah Nazir et al., 2016). Dalam konteks kajian ini, kesediaan bermaksud keupayaan guru pelatih Sejarah dalam pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Kesediaan Dari Aspek Pengetahuan

Pengetahuan menurut *Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2015) diistilahkan sebagai ilmu, segala yang diketahui atau yang dipelajari tentang sesuatu ilmu. Menurut Zarina Abdul Rashid (2016) pengetahuan digunakan untuk menjelaskan pemahaman ke atas sesuatu subjek dan kemungkinan berkeupayaan menggunakannya untuk satu tujuan tertentu. Manakala National Council for Accreditation of Teacher Education (2008) mentakrifkan pengetahuan sebagai penguasaan ilmu yang dimiliki oleh seseorang guru yang meliputi semua prinsip dan konsep. Sumber pengetahuan utama pada abad 21 merupakan sumber yang berkaitan dengan teknologi maklumat (Faridah Nazir et al., 2016).

Mohd Zolkifli Abd. Hamid, Muhammad Rashid Rajuddin, & Megat Aman Zahiri Megat Zakaria (2007) menyatatakan bahawa dalam dunia pendidikan komponen utama ialah kurikulum, prasarana/infrastruktur dan sumber manusia. Guru dianggap elemen penting yang menjadi nadi penggerak kepada keseluruhan jentera pendidikan. Pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan dalam memantapkan lagi profesion keguruan agar guru tidak terdicir dalam mengejar ilmu pengetahuan.

Menurut Izlin Zuraini Ishak (2002) pengetahuan yang perlu dimiliki oleh guru iaitu pengetahuan pedagogi, isi kandungan, pengetahuan am dan pengetahuan ikhtisas perguruan. Dalam pengajaran abad ke 21 sering dikaitkan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Faridah Nazir et al., 2016). Hal ini juga menunjukkan bahawa guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran pedagogi bersifat holistik, meneroka penggunaan model pembelajaran pelbagai mod yang memanfaatkan teknologi, mempunyai pemikiran kreatif, inovatif, kritis dan penaakulan (Mary Yap, 2015). Maka pengetahuan guru terhadap penggunaan teknologi adalah amat penting bagi melaksanakan pengajaran abad ke 21.

Kesediaan Dari Aspek Kemahiran

Menurut *Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2015) kemahiran diistilahkan kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu. Nurulhuda Mohd Sukri (2013) kemahiran juga adalah satu seni, kebolehan atau teknik yang diperolehi melalui latihan atau pengalaman khususnya yang melibatkan penggunaan anggota atau badan.

Nurzarina Amran & Rosli Roslinda (2017) berpendapat bahawa guru perlu meningkatkan kefahaman tentang kemahiran pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dan bagaimana kemahiran tersebut harus dibina dalam diri murid. Beliau turut menekankan bahawa kemahiran dalam penggunaan teknologi terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke 21 perlu diterapkan selain menitikberatkan tentang kemahiran abad ke 21 seperti kerjasama, kolaborasi dan pembelajaran sendiri. Berdasarkan Buletin Anjakan (2015) dan Wan Azlin Anora Wan Azman & Mohamed Yusoff Mohd Nor (2017) guru abad ke-21 perlu menguasai kepakaran seperti menguasai ilmu, menguasai pedagogi abad ke 21, menguasai kemahiran mengesan perkembangan murid dan pencapaian serta menyokong mereka, menguasai kemahiran psikologi pembelajaran dan memiliki kemahiran kaunseling.

Dalam menguasai pedagogi abad ke 21, guru perlu memiliki kesediaan menggunakan teknologi maklumat dan media dalam PdP dan mengaplikasikan serta menyesuaikan dengan pedagogi serta teknik pembelajaran abad ke 21. Hal ini turut disokong oleh Faridah Nazir et al. (2016) bahawa guru abad ke 21 perlu memiliki kemahiran seperti mahir dalam penggunaan ICT, berketrampilan dalam pedagogi, cara penyampaian secara berkesan terhadap sesuatu idea, analogi yang kukuh, ilustrasi yang menarik, memberikan contoh yang tepat dan munasabah,

memberikan penerangan tentang isi pelajaran dengan jelas dan bermakna agar isi pelajaran dapat difahami oleh murid dengan mudah dan mampu mengaplikasikan teknologi maklumat semasa PdP melalui Program SLE (Smart Learning Environment).

Warnoh Katiman & Norasmah Hj Othman (2011) menyatakan guru perlu mempunyai kesediaan kemahiran seperti celik komputer, peka terhadap cara penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga selari dengan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 yang berkait rapat dengan penggunaan teknologi dalam PdP. Maka kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih perlu dilihat dari aspek kemahiran.

Kesediaan Dari Aspek Sikap

Normee Abd. Rahman (2001) sikap merupakan suatu keadaan mental yang menggambarkan kemungkinan tindak balas seseorang terhadap sesuatu. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) sikap diertikan perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat dan fikiran. Menurut Faridah Nazir et al. (2016) guru-guru abad ke 21 perlu mempunyai sikap seperti bersikap terbuka dengan melihat teknologi sebagai perkara positif, mengikuti perkembangan kajian lepas dan terkini bagi mengemas kini pengetahuan dan kemahiran, menerapkan nilai-nilai murni dalam membentuk diri menjadi guru abad 21 dan mempunyai sifat serta kualiti peribadi, profesional dan sosial yang baik supaya dapat menjalankan tugas sebagai seorang pendidik yang sempurna.

Nordiana Abu Bakar & Zamri Mahamod (2017) menyatakan guru perlu bersikap positif untuk membangunkan profesionalisme diri dan melakukan inovasi dalam kaedah PdP yang relevan dengan kehendak semasa iaitu dalam pelaksanaan pengajaran abad ke 21. Sikap guru yang masih berada pada tahap sederhana mengamalkan pengajaran dan pembelajaran perlu diubah dengan menitikberatkan ciri-ciri individu, sikap individu, kemahiran individu dan pemikiran yang lebih positif (Sim & Norasmah Othman, 2017). Hal ini akan dapat membentuk guru pelatih mewujudkan satu kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dan terus kekal sebagai paradoks.

Penyataan Masalah

Pengajaran abad ke 21 merupakan satu daripada aspek yang penting bagi menangani perubahan ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan tanpa melihat kembali terhadap kaedah konvensional. Kajian Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018) menunjukkan konsep keseluruhan PdP PAK21 masih kurang difahami dengan jelas oleh guru pelatih dari sudut perancangan dan pelaksanaannya. Rajendran Nagappan (2010) menyatakan kesediaan guru semasa proses PdP bergantung kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dimiliki untuk mengajar. Faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar adalah penguasaan terhadap pengetahuan ilmu, pedagogi dan psikologi pembelajaran (Noor Azlan Ahmad Zanzali & Hasriani Asri Atjeng, 2001). Pengajaran abad ke 21 sering dikaitkan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Faridah Nazir et al., 2016). Sharipah Khadijah S Hashim (2001) menunjukkan guru mempunyai minat dan bersedia menggunakan komputer dalam PdP tetapi sikap mereka adalah negatif. satu kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru pelatih Sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap agar dapat meningkatkan pengetahuan mereka berkaitan pengajaran abad ke 21.

Objektif dan Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif utama iaitu mengenal pasti tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap mengikut semester pengajian. Seterusnya, menentukan sama ada terdapat perbezaan kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah mengikut semester pengajian.

Soalan kajian:

1. Apakah tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah dari aspek pengetahuan mengikut semester pengajian?
2. Apakah tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah dari aspek kemahiran mengikut semester pengajian?
3. Apakah tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah dari aspek sikap mengikut semester pengajian?
4. Adakah terdapat perbezaan kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah berdasarkan semester pengajian?

Metodologi

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah tinjauan jenis '*cross sectional*' dan menurut Chua (2011) kajian tinjauan dapat mengumpul jawapan yang terus dari subjek kajian, oleh itu ia sesuai digunakan untuk menghurai fenomena yang diminati oleh pengkaji. Populasi kajian ini terdiri daripada 58 orang guru pelatih Sejarah semester 6 dan semester 8 yang menuntut di beberapa IPG zon selatan. Kajian ini dilaksanakan terhadap guru pelatih Sejarah semester 6 dan semester 8 kerana pengkaji ingin melihat sama ada pelaksanaan terhadap pengajaran abad ke 21, maka responden perlulah mempunyai pengalaman praktikum sekurang-kurangnya sekali. Maka disebabkan itu, pemilihan responden terdiri dalam kalangan guru pelatih semester 6 yang telah menjalani praktikum sebanyak sekali dan semester 8 yang telah menjalani praktikum sebanyak dua kali. IPG zon selatan telah dipilih kerana guru pelatih major Sejarah semester 6 dan 8 hanya terdapat di zon ini dan dapat memberikan impak yang jelas dalam perbandingan kesediaan dalam kajian ini. Kajian ini hanya tertumpu pada guru pelatih Sejarah kerana menurut Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin (2012) pengajaran Sejarah sering dikritik dan dianggap '*overly content driven and generally uninspiring*' serta guru Sejarah memerlukan latihan profesional kerana sering menggunakan bahan pengajaran yang sama. Hal ini turut dipersetujui oleh Dyah Kulamasari (2005) dalam Sharipah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor (2016) yang menyimpulkan terdapat empat komponen yang menjadi punca berlaku masalah dalam pembelajaran Sejarah iaitu tenaga pengajar Sejarah yang miskin wawasan kesejarahan yang berpunca sifat malas. Maka disebabkan hal yang demikian, kajian ini tertumpu terhadap guru pelatih Sejarah untuk melihat pelaksanaan pengajaran abad ke 21, Pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah di mana menurut Nooraini Idris (2010) cara ini adalah yang terbaik kerana setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel.

Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini dan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A merupakan maklumat demografi responden, bahagian B merupakan kesediaan dari aspek pengetahuan, bahagian C merupakan kesediaan dari aspek kemahiran dan bahagian D merupakan kesediaan dari aspek sikap. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20 secara deskriptif dan inferensi.

Dapatan dan Perbincangan

Melalui analisis statistik deskriptif didapati bahawa kesediaan guru pelatih Sejarah semester 6 dari aspek pengetahuan (min= 4.39, s.p= 0.39), kemahiran (min= 4.38, s.p= 0.40) dan sikap (min= 4.29, s.p= 0.36), manakala guru pelatih Sejarah semester 8 pula dari aspek pengetahuan (min= 4.44, s.p= 0.45), kemahiran (min= 4.43, s.p= 0.35) dan sikap (min= 4.27, s.p= 0.50). Tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah semester 6 (min= 4.34, s.p= 0.35) dan semester 8 (min= 4.38, s.p= 0.36). Hal ini menunjukkan bahawa guru pelatih Sejarah semester 8 lebih bersedia sedikit berbanding guru pelatih Sejarah semester 6. Melalui ujian-t, didapati bahawa tahap kesediaan pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah mengikut semester pengajian tidak mempunyai perbezaan yang signifikan.

Jadual 1: Tahap Kesediaan Responden Dalam Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke 21

Tahap Kesediaan Responden	Semester 6		Semester 8	
	min	S.p	Min	S.p
Pengetahuan	4.39	0.39	4.44	0.45
Kemahiran	4.38	0.40	4.43	0.35
Sikap	4.29	0.36	4.27	0.50
Keseluruhan	4.34	0.35	4.38	0.36

Jadual 2: Keputusan Analisis Ujian-t Terhadap Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke 21 Mengikut Semester Pengajian

Aspek	Semester	N	Min	S.p	t	df	Sig. 2 (tailed)
Kesediaan Guru Pelatih	6	30	4.35	0.35	-.803	55	.425
	8	27	4.42	0.29			

***Aras kesignifikanan pada $p < 0.05$*

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini telah membuktikan bahawa guru pelatih Sejarah mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam pelaksanaan PAK21 selari dengan kajian yang dijalankan oleh Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018) yang menunjukkan tahap pengetahuan tentang pembelajaran abad ke 21 berada pada tahap yang tinggi. Kesediaan pengetahuan yang tinggi turut membentuk akan mendatangkan keyakinan kepada diri mereka dan disokong oleh Noor Azlan Ahmad Zanzali & Hasriani Asri Atjeng (2001) bahawa keyakinan guru pelatih dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu pengetahuan, pedagogi (kemahiran) dan psikologi (sikap). Walau bagaimanapun, Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018) menyatakan pemahaman guru pelatih tentang konsep keseluruhan PdP PAK21 didapati masih kurang jelas disebabkan tiada pendedahan dan maklumat secara khusus sebelum menjalani latihan praktikum di sekolah. Hukum kesediaan Thorndike menyatakan terdapat kemungkinan bahawa guru pelatih yang mempunyai kesediaan pengetahuan yang rendah dalam pelaksanaan PAK21 akan berasa kecewa (Nirwana Mohd. Rashid, 2013) dan Jansen & Van Der Merwe (2015) menyatakan kekurangan dari sudut kefahaman tentang sesuatu kemahiran akan memberi kesan secara implisit kepada sikap guru.

Guru pelatih berupaya untuk mewujudkan interaksi aktif melalui komunikasi dan ianya kemahiran penting yang perlu dicapai oleh murid-murid dalam pembelajaran abad ke 21 (Faridah Nazir et al., 2016). Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih memiliki keupayaan untuk bekerjasama dengan guru-guru untuk melaksanakan aktiviti berpusatkan murid dan ini selaras dengan kajian Nordiana Abu Bakar & Zamri Mahamod (2017) guru sanggup untuk berkolaborasi bagi menjayakan kemahiran abad ke 21 dalam PdP kerana merupakan tanggungjawab mereka. Walaupun guru pelatih memiliki keupayaan dalam menghasilkan alat bantu mengajar, namun kajian Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof, & Mohd Isha Awang (2016) menunjukkan bahawa guru pelatih mengalami masalah terhadap kos dan masa penyediaan alat bantu mengajar dalam pelaksanaan PdP.

Selain itu, guru pelatih turut menyedari kepentingan untuk mengaplikasikan strategi berpusatkan murid dan ini sejajar dengan pendapat Faridah Nazir et al. (2016) murid perlu dibimbing supaya bersedia menerima pengajaran dan berupaya untuk meneruskan pembelajarannya sendiri. Ainun Rahmah Iberahim et al. (2017) menyatakan guru perlu mengadakan aktiviti berpusatkan murid untuk lakukan perubahan dalam PdP yang menitikberatkan penguasaan kemahiran abad ke 21. Guru pelatih turut memiliki keupayaan dalam menyediakan isi kandungan pengajaran berpusatkan murid dan Wahaida Wahi (2008) menyatakan gabungan isi kandungan dengan objektif serta matlamat pengajaran adalah penting untuk melakukan perubahan dalam PdP PAK21. Pengendalian kelas melalui pendekatan PAK21 memerlukan kemudahan seperti komputer, multimedia, cakera padat dan Internet untuk semua murid (Faridah Nazir et al., 2016).

Walaupun guru pelatih memiliki keupayaan untuk mengendalikan kelas melalui PAK21, namun kemudahan infrastruktur yang tidak kondusif, kekangan waktu dengan pelbagai tugas sepanjang tempoh praktikum dan kemudahan peralatan TMK yang tidak mencukupi mengganggu proses PdP dijalankan (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018). Keupayaan guru pelatih dalam menerapkan nilai-nilai murni melalui PAK21 selaras dengan ciri-ciri guru abad ke 21 (Faridah Nazir et al., 2016). Abdull Sukor Shaari et al. (2016) menyatakan pendekatan PAK21 dapat membantu guru pelatih dapat menarik minat murid, memupuk semangat keyakinan dan mewujudkan tingkah laku positif murid dan ini sejajar dengan dapatan Ainun Rahmah Iberahim et al. (2017) bahawa sikap pelajar lebih positif terhadap pembelajaran menggunakan kemahiran abad ke 21.

Seterusnya, walaupun tahap kesediaan dari aspek sikap berada pada tahap yang tinggi, namun guru pelatih mempunyai keupayaan yang sederhana terhadap penerimaan rakan sekerja yang tidak menyokong pelaksanaan PAK21 dan hal ini turut selari dengan dapatan Nurzarina Amran & Rosli Roslinda (2017) guru mempunyai tanggapan bahawa memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi dalam menguasai kemahiran abad ke 21. Kajian Abdull Sukor Shaari et al. (2016) dan Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018) menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih dalam pelaksanaan PAK21 antaranya kos dan masa penyediaan alat bantu mengajar, penggunaan ICT, pengawalan kelas, pengurusan masa, kesukaran memberikan penerangan tugas kepada murid dan menghadapi murid yang pasif dan tidak memberikan tumpuan semasa PdP. Guru pelatih berupaya untuk membuat persediaan untuk melaksanakan PAK21 dan Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018) dan Abdull Sukor Shaari et al. (2016) menunjukkan bahawa guru pelatih menghadapi masalah dalam pengurusan masa untuk merancang dan membuat persediaan aktiviti PdP melalui PAK21.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini akan dapat membantu guru pelatih untuk menilai dan melengkapkan diri mereka dengan persediaan yang lebih rapi dalam melaksanakan PAK21 apabila mereka ditempatkan di sekolah dan bergelar sebagai seorang guru. Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan dan indikator bagi pihak IPGK, IPGM dan KPM untuk menggalakkan pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru dan memberikan latihan serta kursus terhadap teori dan amali pelaksanaan PAK21. Kemahiran PAK21 perlu diterapkan dan diajar secara teori serta amali sewaktu mengikuti pengajian bagi membiasakan guru pelatih dengan pendekatan PAK21 untuk melahirkan guru yang berkualiti dan relevan dengan perkembangan global era digital.

Melalui pendekatan ini, pengajaran konvensional akan digantikan dengan pendekatan PAK21 yang merupakan alternatif yang lebih praktikal dalam melahirkan warganegara global selaras dengan perkembangan jaringan informasi pada era globalisasi. Kajian ini akan menjadi landasan kepada pengkaji lain untuk menjalankan penyelidikan yang lebih luas mengenai isu yang berkaitan. Pengkaji lain boleh mengembangkan lagi kajian tentang persepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan PAK21, amalan PdP guru pelatih melalui pendekatan PAK21 dan faktor serta cabaran guru pelatih dalam pelaksanaan PAK21 untuk memperoleh dapatan yang kukuh.

Rujukan

- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof, & Mohd Isha Awang. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru- Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. In *International Seminar on Generating Knowledge Through Research* (Vol. 1, pp. 1–11).
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7, 77–88. <https://doi.org/10.1016/j.jvolgeores.2008.07.026>
- Badrul Hisham Alang Osman, & Mohd Nasruddin Basar. (2016). Amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 20–37.
- Buletin Anjakan. (2015a). Pembelajaran Abad Ke-21: Amalan Dan Pelaksanaan Di Sekolah. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*, p. 4.
- Buletin Anjakan. (2015b, April). Ciri-Ciri Guru Abad 21. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin, & Amran Bakar. (2016). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21* (1st ed.). Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Izlin Zuraini Ishak. (2002). *Kualiti Pensyarah Politeknik Lulusan Sarjana Pendidikan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO)*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Jansen, C., & Van Der Merwe, P. (2015). Teaching Practice in the 21st Century: Emerging Trends, Challenges and Opportunities. *Universal Journal of Educational Research*, 3(3), 190–199. <https://doi.org/10.13189/ujer.2015.030304>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007) (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua*. (2015) (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Yap, K. C. (2015, August 13). Guru berperanan lahir pelajar capai standard global. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/74472>
- Mohd Fahmi Mohd Yusof. (2016). *Kesediaan guru sekolah menengah mengamalkan Pengajaran Abad ke 21*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Retrieved from

- <http://www.jurnalteknologi.utm.my/index.php/jurnalteknologi/article/view/307>
- Mohd Samsudin, & Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(December), 116–141.
- Mohd Zolkifli Abd. Hamid, Muhammad Rashid Rajuddin, & Megat Aman Zahiri Megat Zakaria. (2007). Harapan dan keresahan Bakal Guru Pelatih dalam Praktikum Latihan Mengajar. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007*, (2007), 1–13. <https://doi.org/10.1364/oe.17.009337>
- Mok, S. S. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- National Council for Accreditation of Teacher Education. (2008). The Standard of Excellence in Teacher Preparation for the. Retrieved from <http://www.ncate.org/~media/Files/caep/accreditation-resources/ncate-standards-2008.pdf?la=en>
- Nirwana Mohd. Rashid. (2013). *Faktor Peramal Terhadap Kediaan Guru Sekolah Rendah Kluster dalam melaksanakan Pendidikan Pintar Cerdas di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Noor Azlan Ahmad Zanzali & Hasriani Asri Atjeng. (2001). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keyakinan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keyakinan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar*, (2001).
- Nooraini Abdul Rahim & Abdul Halim Abdullah. (2017). Kediaan Guru Matematik Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Abad ke-21. *Isu-Isu Pendidikan Kontemporari*, (April), 567–584. <https://doi.org/10.1162/00335530152466269>
- Nooraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Nordiana Abu Bakar, & Zamri Mahamod. (2017). Kediaan Guru Terhadap Implementasi Kemahiran Abad ke 21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Daerah Limbang. In Z. Mohamed, R. Mohram, N. Md. Rashid, M. A. Supian Madhi, R. Smial, & N. S. Q. Eemann Muhammad (Eds.), *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah & Sarawak (Eksekutif) Kali Ke-6* (p. 727). Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Normee Abd. Rahman. (2001). *Kediaan Guru dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif Dalam Mata Pelajaran Sains*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurulhuda Mohd Sukri. (2013). *Tahap Kediaan Guru terhadap pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan kompetensi di Kolej Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurzarina Amran, & Rosli Roslinda. (2017). Kefahaman guru tentang kemahiran abad ke-21. In S. Z. Ibrahim, A. E. Mat Zain, S. Sharil, & A. N. Zainal Arifin (Eds.), *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (p. 412). Selangor: Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Raja Abdullah Raja Ismail, & Daud Ismail. (2018). Aplikasi ‘Konsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45–65. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/8>
- Rajendran Nagappan. (2010). Teaching Thinking Skills at Institutions of Higher Learning : Lessons Learned. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 18, 1–14.
- Sharifah Nor Puteh, & Kamarul Azman Abd Salam. (2011). Tahap Kediaan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25–34. <https://doi.org/10.1016/j.jinorgbio.2004.10.023>

- Sharipah Aini Jaafar, & Arba'iyah Mohd Noor. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia, 1957-1989. *Sejarah*, 2(Disember), 40–57. Retrieved from <https://www.scribd.com/document/433070692/jurnal-sejarah>
- Sharipah Khadijah S Hashim. (2001). *Minat, Sikap dan Kesediaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Sim, W. W., & Norasmah Othman. (2017). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran abad ke 21 dalam kalangan guru sekolah rendah. In N. Salamuddin, M. T. Harun, M. I. Hamzah, S. H. Wong, S. N. Wan Hassan, & S. Z. Yassin (Eds.), *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2017* (p. 477). Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahaida Wahi. (2008). *Tahap kesediaan guru menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah menengah kebangsaan*. Universiti Utara Malaysia.
- Wan Azlin Anora Wan Azman, & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2017). Kemahiran guru abad ke 21 terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran murid di sekolah. In *Prosiding Membudayakan Amalan Abad Ke 21* (pp. 1–10). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Warnoh Katiman, & Norasmah Hj Othman. (2011). Program Pendidikan Guru Teknik dan Vokasional Yang Cemerlang. *Jurnal Intelek*, 1(2001), 1–10.
- Zarina Abdul Rashid. (2016). *Tahap Kesediaan guru dalam aspek pengetahuan dan keperluan latihan berfokuskan aplikasi KBAT*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.